A

DR CHAN CHIN CHEUNG

lwn.

CHAN CHAK CHEUNG & SATU LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
WAN ADNAN MUHAMMAD H
[GUAMAN NO: S2-22-799-03]
16 JANUARI 2006

C

PROSEDUR SIVIL: *Prosiding terus - Pewarisan - Writ untuk memecat pemegang amanah - Pemegang amanah didakwa berada di luar Malaysia melebihi 12 bulan - Sama ada wujud pertikaian fakta - Sama ada memerlukan perbicaraan penuh - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14A - Akta Pemegang-Pemegang Amanah 1949, s. 40*

D

Plaintif telah memfail writ saman untuk memecat saudaranya defendan kedua, seorang rakyat Malaysia yang menetap di Singapura, dari menjadi pemegang amanah estet si mati, dan berikutnya, melalui lampiran 55 di sini, memohon supaya writ saman tersebut didengar secara terus di bawah A. 14A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Defendan kedua telah dilantik sebagai pemegang amanah estet si mati sejak tahun 1971 lagi. Fakta menunjukkan bahawa antara alasan plaintif untuk memecat defendan kedua adalah bahawa defendan kedua telah berada di luar bidangkuasa, iaitu di Singapura, untuk tempoh melebihi 12 bulan, dan dengan itu tidak layak untuk menjadi pemegang amanah di bawah s. 40(1) Akta Pemegang-Pemegang Amanah 1949 ('Akta'). Dalam afidavit sokongannya, plaintif cuba menyakinkan mahkamah tentang kedudukan ini dengan merujuk kepada pasport defendan kedua yang dikatakan menunjukkan bahawa defendan kedua memang berada di luar bidangkuasa untuk tempoh melebihi 12 bulan. Di samping itu, dikatakan bahawa perlantikan defendan kedua adalah tak sah ekoran keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Dr. Chan Chui Cheng v. Chan Chah Peng*. Defendan kedua membantah dan berhujah bahawa prosiding A. 14A KMT tidak sesuai kerana terdapat pertikaian fakta dan juga kerana kes tidak bergantung kepada tafsiran undang-undang semata-mata. Selain mempertikai bahawa ia berada di luar bidangkuasa selama melebihi 12 bulan, defendan kedua berhujah bahawa, oleh kerana perlantikannya sudah menjangkau 32 tahun, maka tindakan plaintif adalah disekat atas prinsip 'estoppel, waiver and acquiescence'.

E

F

G

H

I

Diputuskan (menolak permohonan dan memerintahkan perbicaraan penuh):

(1) Meneliti afidavit-afidavit dan pliding, plaintif gagal menyakinkan mahkamah bahawa tindakan writ samannya dapat dilupuskan melalui prosiding A. 14A tanpa menjejaskan kepentingan keadilan. Lagipun, permohonan telah dibantah oleh defendan kedua. (perenggan 26)

(2) Isu yang harus ditentukan di sini adalah sama ada defendan kedua berada di luar Malaysia melebihi 12 bulan. Berdasarkan hujah kedua pihak, terdapat pertikaian fakta kerana plaintif membuat dakwaan tersebut sedangkan defendan kedua menyatakan bahawa beliau selalu berulang alik ke Malaysia dalam tempoh 12 bulan yang dikatakan. Pertikaian fakta sebegini tidak boleh diputuskan melalui prosiding A. 14A KMT. (perenggan 27)

(2a) Selain itu, permohonan A. 14A bukan suatu permohonan interlokutori dan plaintif, sebagai deponen afidavit, hendaklah mempunyai pengetahuan sendiri atas fakta yang dideposkan dan bukannya bergantung kepada catitan di dalam pasport. Hanya pegawai Jabatan Imigresen sahaja yang boleh mengesahkan betul atau tidak defendan kedua berada di luar Malaysia melebihi tempoh 12 bulan. (perenggan 28)

(3) Perlantikan defendan kedua telah dibuat atas persetujuan waris-waris. Oleh itu, mahkamah seharusnyalah mendengar pandangan waris-waris sebelum membuat perintah pemecatan defendan kedua sebagai pemegang amanah. Oleh yang demikian, ia hendaklah melalui perbicaraan. (perenggan 29)

(4) Isu mengenai s. 40 Akta telah dibangkit semasa permohonan plaintif untuk injunksi dan ia telah pun didengar dan diputuskan. Dengan demikian, ia menjadi satu isu estopel. (perenggan 30)

Kes-kes yang dirujuk:

Chan Kwai Chun v. Lembaga Kelayakan [2002] 2 CLJ 288 HC ***(dirujuk)***

Dr Chan Ching Cheung v. Chan & Chan Chak Cheung & Anor [2005] 2 CLJ 405 CA ***(dirujuk)***

Hartecon JV Sdn Bhd & Anor lwn. Hartela Contractors Ltd [1997] 2 CLJ 104 CA ***(dirujuk)***

In Re J (an infant) [1960] 1 WLR 253 ***(dirujuk)***

Ligar Fernandez lwn. Eric Claude Cooke [2002] 6 CLJ 152 HC ***(dirujuk)***

Petroleum Nasional Bhd lwn. Kerajaan Negeri Terengganu [2003] 4 CLJ 337 CA ***(dirujuk)***

Re Estate of ORMSM Sevugan Chettiar Deceased [1949] 15 MLJ 255 ***(dirujuk)***

A *Re Freeman's Settlement Trust [1887] 37 Ch D148* ***(dirujuk)***
Re Walker Summers v. Barrow [1901] Ch D 259I ***(dirujuk)***
Re White head's Will Trusts [1971] 2 All ER 1334 ***(dirujuk)***
Rossage v. Rossage & Ors [1960] 1 All ER 600 ***(dirujuk)***
Simpang Empat Plantation Sdn Bhd v. Ali Tan Sri Abdul Kadir & Ors [2006] 1 CLJ 41 CA ***(dirujuk)***
B *Summer A William Henderson & Sons Ltd [1963] 2 All ER 712 CA* ***(dirujuk)***
Wee Choo Keong v. MBf Holdings Bhd & Anor and Another Appeal [1995] 3 CLJ 210 SC ***(dirujuk)***
Yusof Ahmad Talib & Ors lwn. Hongkong Bank Trustee (Singapore) Ltd Ors [1989] 3 MLJ 84 ***(dirujuk)***

C **Perundangan yang dirujuk:**
Probate And Administration Act 1959, ss. 2, 29(a)
Rules of the High Court, O. 14A, O. 41 r. 5(2)
Trustees Act 1949, s. 40(1)

Sumber-sumber yang dirujuk:
D Underhill & Hayton, *Law Relating to Trusts & Trustees*, 16th edn, p 759
Lewin On Trusts, 17th edn, p 352

Bagi pihak plaintif - M/s Tay Tee & Nasir
Bagi pihak defendan - M/s Shearn Delamore & Co

E *Dilaporkan oleh Rose Aziz*

PENGHAKIMAN

Wan Adnan Muhammad H:

F **[1]** Melalui suatu notis usul di lampiran 55 (L55) plaintif membuat permohonan supaya tuntutannya melalui suatu writ saman di lampiran (1) didengar secara terus (summarily) dibawah Peruntukan A. 14A Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT). Pihak defendan menentang permohonan di L55.

G **[2]** Alasan beliau bila mengemukakan permohonan tersebut di atas ialah seperti berikut:

(a) bahawa defendan kedua sebagai penduduk di luar bidang kuasa Malaysia tidak boleh memegang jawatan sebagai pemegang amanah
H bagi Amanah Malaysia;

(b) bahawa plaintif yang dinamakan di dalam wasiat si mati boleh dilantik sebagai pemegang amanah;

(c) bahawa perlantikan defendan kedua, seorang yang tidak bermastautin
I di Malaysia sebagai pemegang amanah kepada Estet Chan Wing adalah tidak sah dan/atau *void ab initio;*

(d) bahawa defendan kedua dengan berada di luar bidangkuasa untuk tempoh melebihi 12 bulan adalah tidak layak untuk menjadi pemegang amanah menurut s. 40(1) Akta Pemegang-Pemegang Amanah 1949.

[3] Berikutnya adalah fakta latarbelakang kes yang tidak dipertikaikan.

[4] Si mati meninggal dunia berdomisil di Malaya pada 27 Februari 1947 dengan meninggalkan wasiat (eks. "P1" afidavit plaintif). Probet dikeluarkan oleh Mahkamah Agung Persekutuan Malaya pada 26 April 1949 ("geran"). (eks. "P2" afidavit plaintif) kepada pemegang amanah asal. ("Pemegang amanah asal"). (Perenggan 7 afidavit plaintif).

[5] Plaintif dan defendan kedua bersaudara, mereka yang juga merupakan benefisiari-benefisiari estate si mati. Defendan kedua telah dilantik sebagai pemegang amanah semenjak lebih kurang dari tahun 1971.

[6] Defendan kedua adalah rakyat Malaysia tetapi menetap di Singapura. Beberapa Pemegang Amanah lain juga telah bermastautin di luar Malaysia sejak tahun 1940an dengan pengetahuan penuh plaintif.

[7] Aset estet terletak di Hong Kong (73%), Singapura (10.48%) dan Malaysia (9.79%), dan estet mempunyai pejabat di Malaya dan Singapura sejak 1947. Pejabat di Singapura adalah pejabat utama estet sejak 1982, dan pejabat tunggal Estet sejak 8 Januari 2002.

[8] Daripada 18 benefisiari estet, hanya 3 bermastautin di Malaysia manakala 15 lagi bermastautin di Singapura (8), Hong Kong (2), Canada (2) United Kingdom (1) dan Australia (2).

[9] Jelas sekali tindakan plaintif terhadap defendan kedua ialah untuk memecat defendan kedua dari menjadi pemegang amanah (trustee) estate simati dan dirinya (plaintif) dilantik atas jawatan tersebut. Teras alasannya untuk mengambilalih jawatan tersebut ialah beliau merupakan "male descendant through a male line", (sila lihat affidavit sokongan beliau di lampiran 54 para 17 & 18) dan berdomisil di Malaysia. Di samping itu plantif juga menyatakan defendan kedua bermastautin di Singapura dan tidak boleh menjadi pemegang amanah estate si mati, dan Mahkamah Rayuan dalam rayuan W-02-473-2003 telah memutuskan Geran Probate adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Malaysia. Oleh itu keputusan Mahkamah Rayuan memihak kepadanya (sila lihat kes *Dr Chan Ching Cheung v. Chan Chak Cheung & Anor* [2005] 2 CLJ 405 CA).

[10] Jika dirumuskan, pemohonan Plaintif didasarkan ada dua premis iaitu (1) andaian defendan kedua tidak layak menjadi pemegang amanah kerana defendan kedua bukan dari keturunan "male decedant through a male line" seperti beliau dan (2) defendan kedua tidak boleh menjadi pemegang amanah kerana bermastautin di Singapura. Otoritinya ialah peruntukan s. 29(a) Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Probate And Administration Act 1959) (Akta 1959).

[11] Untuk tatapan saya perturunkan peruntukan s. 29(a) tersebut (dalam bahasa asal) seperti berikut:

> Where a person who would be entitled to representation is absent from Malaysia. The following provisions shall apply:
>
> (a) where an executor appointed by a will is absent from Malaysia, and there is no other executor within Malaysia willing to act, letters of administration with the will a annexed may be granted to a duly authorized attorney of the absent executor, limited until he obtains probate for himself, and in the meantime to any purpose to which the attorney's authority is limited.

[12] Defendan kedua melalui afidavitnya (lampiran 56) telah mempertikaikan dakwaan plaintif.

[13] Kedua-dua pihak melalui peguamnya telah mengemukakan hujah bertulis masing-masing.

[14] Dalam hujah bertulisnya peguam plaintif membangkitkan ketidaksahan perlantikan defendan kedua ekoran keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Dr. Chan Chui Cheng v. Chan Chah Cheng (supra)*.

[15] Selanjutnya beliau menegaskan bahawa defendan kedua yang menetap di Singapura tidak boleh menjadi pemegang amanah. Pihak Plaintif bersandarkan kes *Yusof bin Ahmad Talib & Ors lwn. Hongkong Bank Trustee (Singapore) Ltd Ors* [1989] 3 MLJ 84, *Re Freeman's Settlement Trust* [1887] 37 Ch. D148 dan ss. 2 & 29(a) Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Justeru itu defendan kedua dikatakan mentadbir wasiat tanpa kebenaran adalah tidak sah.

[16] Dalam hujah bertulisnya, Peguam Defendan Kedua membuat saranan bahawa prosiding di bawah A. 14A KMT tidak sesuai kerana terdapat pertikaian fakta dan bukan bergantung kepada tafsiran undang-undang sahaja [sila lihat kes *Petroleum Nasional Bhd. lwn. Kerajaan Negeri Terengganu* [2003] 4 CLJ 337 CA].

[17] Atas pemakaian peruntukan ss. 2 dan 29(a) Akta 1959 dan s. 40 Akta Pemegang-Pemegang Amanah Act 1949 (Akta 1949) peguam defendan kedua berhujah bahawa peruntukan-peruntukan tersebut tidak terpakai kerana si mati telah melantik defendan kedua sebagai wasi dan

juga pemegang amanah. Hujahnya wasi dan pemegang amanah adalah dua identiti yang berlainan dengan tanggungjawab yang berlainan. Tugas wasi diperuntukan oleh Akta Probet dan Pentadbiran 1959, manakala pemegang amanah adalah terletak di bawah peruntukan Akta Pemegang-Pemegang Amanah 1949 (sila lihat kes *Ligar Fernandez lwn. Eric Claude Cooke* [2002] 6 CLJ 152 HC).

[18] Peguam defendan kedua seterusnya menghujahkan kedua-dua seksyen Akta Probet dan Pentadbiran 1959 tidak terpakai kepada fakta kes ini. Beliau bergantung kepada keputusan kes In *Re Estate of ORMSM Sevugan Chettiar Deceased* [1949] I5 MLJ 255 yang menyatakan pemastautin asing boleh dilantik sebagai wasi - (sila lihat juga ke *Re White head's Will Trusts* [1971] 2 All ER 1334, *Yusof bin Ahmad Talib & Ors lwn Hong Kong Bank Trustee (Singapore) Ltd & Ors (supra)* dan *Re Freeman's Settlement Trusts (supra)*).

[19] Peguam defendan kedua juga menghujahkan bahawa perlantikan defendan kedua sebagai pemegang amanah sudah menjangkau 32 tahun berlalu. Tindakan plaintif yang dibuat selepas puluhan tahun disekat atas prinsip "estoppel, waiver/abandonment dan acquiescence" kerana plaintif mempunyai pengetahuan yang defendan kedua menetap di Singapura.

[20] Isu-Isu yang serupa telah pun dibangkitkan oleh plaintif dalam permohonannya untuk suatu injunksi melalui lampiran 21 dimana mahkamah telah menolak permohonan plaintif dengan kos. Peruntukan s. 40 Akta Pemegang-Pemegang Amanah 1949 berkenaan adalah diantara alasan permohonan plaintif melalui L21 tersebut, justeru itu s. 40 tersebut tidak terpakai. Kes yang disandarkan oleh peguam defendan kedua ialah *Hartecon JV Sdn. Bhd & Anor lwn. Hartela Contractors Ltd* [1997] 2 CLJ 104 CA.

[21] Berbalik kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Dr. Chan Chin Cheung lwn. Chan Chah Cheung & Amar (supra)*, peguam defendan kedua menyatakan ia tidak relevan kepada fakta kes ini kerana ia adalah mengenai bidangkuasa mahkamah.

[22] Akhir sekali peguam defendan kedua menegaskan bahawa fakta kes ini dipertikaikan mengenai dakwaan plaintif yang defendan kedua berada di luar Malaysia berterusan melebihi 12 bulan. Oleh yang demikian beliau berhujah otoriti–otoriti yang disandarkan adalah seperti berikut In *Re Walker Summers v. Barrow* [1901] 1901 Ch D 259 *Underhill & Hayton Law Relating to Trusts & Trustees*, 16th edn, di halaman 759 dan *Lewin On Trusts*, 17th edn di halaman 352.

[23] Setelah meneliti permohonan plaintif di L55 berserta hujah bertulis, dan otoriti-otoriti yang disandarkan kedua-dua pihak saya menolak permohonan tersebut dengan kos.

[24] Saya ingin menarik perhatian bahawa L55 ialah permohonan plaintif untuk kebenaran mahkamah bagi memutuskan tuntutan di lampiran 1 melalui prosiding di bawah peruntukan A. 14A KMT. Di sini saya perturunkan peruntukan tersebut. Ia berbunyi sedemikian: (dalam bahasa Inggeris)

> (1) The Court may upon the application of a party or of its own motion determine any question of law or construction of any document arising in any cause or matter at any stage of the proceeding where it appears to the Court that:
>
> (a) such question is suitable for determination without the full trial of the action; and
>
> (b) such determination will finally determine the entire cause or matter or any claim or issue therein.
>
> (2) Upon such determination the Court may dismiss the cause or matter or make such order or judgment as it thinks just.
>
> (3) The Court shall not determine any question under this Order unless the parties have had an opportunity of being heard on the parties have had an opportunity of being heard on the question.
>
> (4) ...
>
> (5) ...

[25] Pada hemat saya A. 14A KMT 1980 digubal khusus bagi menjimatkan masa mahkamah dan juga kos yang akan ditanggung oleh pihak-pihak dalam tindakan. Ia hanyalah suatu prosedur bagi memudahkan pelupusan kes dengan cepat jika tidak terdapat pertikaian fakta atau pertikaian undang-undang yang bercampur aduk dengan fakta kerana pelupusan kes dalam keadaan sedemikian akan menjerumus kepada ketidakadilan (miscarriage of justice). Adalah fungsi utama Mahkamah memberi keadilan [sila lihat kes *Summer A. William Henderson & Sons Ltd* [1963] 2 All ER 712 CA; *State Bank of India v. Marjani Marketing,* 1 March 1991, CA. Transcript No. 91/0304. *Petroleum Nasional Bhd. lwn. Kerajaan Negeri Terengganu* [2004] 1 MLJ 8].

[26] Daripada affidavit-affidavit dan pliding saya dapati plaintif gagal meyakinkan saya bahawa tindakan plaintif dapat dilupuskan melalui prosiding A. 14A KMT 1980 tanpa menjejaskan kepentingan keadilan. Lagipun pihak defendan kedua membantah permohonan di l55 dengan mempertikaikan dakwaan plaintif. Saya setuju dengan hujah peguam defendan kedua isu untuk ditentukan ialah defendan kedua berada di luar Malaysia melebihi 12 bulan.

[27] Saranan plaintif dibuat berdasarkan catitan atas passport defendan kedua. Sedangkan defendan kedua menyatakan walaupun menetap di Singapura beliau selalu berulangalik ke Malaysia dalam tempoh 12 bulan yang dikatakan. Pada pendapat saya pertikaian fakta sebegini tidak boleh diputuskan melalui prosiding di bawah A. 14A KMT 1980. Untuk mempastikan sama ada defendan kedua berada berterusan di luar Malaysia, keterangan daripada pihak berwajib yang mengeluarkan passport (iaitu Jabatan Imigresen) hendaklah dikemukakan. Adalah suatu pengetahuan umum bahawa passport Malaysia mempunyai chip based dan tidak perlu dicop. Perisian maklumat dalam chip boleh diperolehi daripada pegawai imigresen dalam perbicaraan penuh.

[28] Prosiding di bawah A. 14A KMT 1980, bukanlah suatu permohonan interlokutori dan plaintif sebagai deponen affidavit sokongan hendaklah mempunyai pengetahuan sendiri atas fakta yang dipedoskan dan bukan bergantung kepada catitan di dalam passport yang mana hanya Pegawai Jabatan Imigresen sahaja boleh mengesahkan sama ada betul atau tidak defendan kedua berada di luar Malaysia melebihi tempoh 12 bulan yang dikatakan. Keterangan yang bukan berdasarkan pengetahuan sendiri adalah keterangan dengar cakap (hearsay). Walaupun keterangan hearsay boleh diterima di bawah Peruntukan A. 41 k. 5(2) KMT 1980 jika mahkamah berpandangan ia tidak membawa ketidakadilan apabila keterangan tersebut diterima (sila lihat kes *Wee Choo Keong v. MBF Holdings Bhd. & Anor and Another Appeal* [1993] 3 CLJ 210 SC.) tetapi A. 41 k. 5(2) KMT tersebut tidak terpakai bagi prosiding di bawah A. 14A KMT (sila lihat kes *Chan Kwai Chun v. Lembaga Kelayakan* [2002] 2 CLJ 288 HC). Dalam kes *Rossage v. Rossage & Ors* [1960] 1 ALL ER 600 telah diputuskan keterangan 'hearsay' tidak boleh diterima. Hanya keterangan yang berlandaskan pengetahuan sendiri sahaja boleh diterima kerana deponennya sahaja dapat membuktikan berdasarkan apa yang diketahuinya sendiri (sila lihat kes *In Re J (an infant)* [1960] 1 WLR 253).

[29] Seperkara lagi perlantikan defendan kedua dibuat atas persetujuan waris-waris dan seharusnyalah mahkamah mendengar pandangan waris-waris sebelum membuat perintah pemecatan defendan kedua sebagai pemegang amanah. Oleh yang demikian ia hendaklah melalui perbicaraan.

[30] Mengenai peruntukan s. 40 Akta Pemegang-Pemegang Amanah 1949, mengikut rekod saya dapati isu tersebut telahpun dibangkitkan semasa permohonan Plaintif untuk injuksi (melalui lampiran 2). Ia adalah salah satu alasan pemohon tersebut. Sehubungan dengan itu ia telah didengar dan telah pun diputuskan. Pada pendapat saya ia menjadi suatu

isu estopel. Saya bersetuju dengan pendapat peguam defendan bahawa prinsip kes *Hartecon JV Sdn. Bhd. & Anor lwn. Hartela Contractors Ltd* [1977] 2 CLJ 104 CA terpakai (sila lihat kes *Simpang Empat Plantation Sdn Bhd v. Ali Tan Sri Abdul Kadir & Ors* [2006] 1 CLJ 41 CA).

[31] Keputusan saya atas L55 ialah mengenai pemohon kebenaran. Ini bermakna saya menggunakan budibicara saya untuk tidak membenarkan tuntutan plaintif diputuskan mengikut peruntukan A. 14A KMT 1980 kerana pada pertimbangan saya terdapat pertikaian fakta. Justeru itu prosiding A. 14A tidak sesuai. Prinsip undang-undang mengenainya sudah mantap. Saya tidak menolak tuntutan plaintif dan plaintif masih boleh membuktikan tuntutannya melalui perbicaraan penuh.